



**POLISI**

**PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

## PENGENALAN

1. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat atau *Whistleblowing Policy* merupakan satu kaedah perlindungan kepada seseorang individu terhadap pendedahan yang dilakukan olehnya berkaitan sesuatu pelanggaran tatakelakuan, jenayah atau tindakan tidak wajar.
2. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ini dirangka selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] bagi membolehkan seseorang untuk membuat pendedahan mengenai mana-mana salah laku atau apa-apa tingkah laku yang tidak wajar (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 711) seawal mungkin tanpa rasa gentar dan ragu-ragu.
3. Polisi ini berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:
  - (a) JANM komited dalam meningkatkan etika kerja dan nilai integriti di kalangan warga JANM semasa melaksanakan tugas. Kesalahan tatatertib atau salah laku jenayah perlu dilaporkan mengikut tatacara pengurusan aduan integriti JANM;
  - (b) Polisi ini menjadi pelengkap kepada saluran aduan integriti sedia ada di JANM dan merupakan kaedah alternatif untuk warga JANM atau pihak berkepentingan untuk memberi maklumat sekiranya saluran aduan sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan adalah berkenaan penyelia terdekatnya atau ketuanya;
  - (c) Polisi ini menggalakkan orang awam dan warga JANM untuk tampil sebagai Pemberi Maklumat atau menyalurkan aduan berkenaan Kelakuan Tidak Wajar warga JANM mengikut prosedur yang ditetapkan; dan
  - (d) Polisi ini menunjukkan komitmen JANM dalam mencapai tahap pematuhan undang-undang yang tinggi. Penerapan polisi ini dalam amalan dan budaya kerja dapat meningkatkan integriti di kalangan warga JANM.

## TUJUAN POLISI

4. Polisi ini dibangunkan bertujuan untuk:

- (a) Menggalakkan mana-mana orang untuk tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di kalangan warga JANM;
- (b) Memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa terdapat perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati (*good faith*); dan
- (c) Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap hasil pendedahan Kelakuan Tidak Wajar oleh mana-mana warga JANM.

## TAFSIRAN

5. Bagi maksud Polisi ini:

**(a) Agensi Penguatkuasaan**

- (i) Mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- (ii) Suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau

(iii) Suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan;

**(b) Kelakuan Tidak Wajar**

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah;

**(c) Kesalahan Tatatertib**

Apa-apa tindakan atau perbuatan yang menjadi suatu pelanggaran tatakelakuan, etika kerja, dasar, pekeliling atau peraturan yang berkuat kuasa;

**(d) Maklumat Sulit**

(i) Maklumat identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat tempat kerja atau tempat beradanya:

a. seseorang Pemberi Maklumat; dan

b. seseorang yang terhadapnya seseorang Pemberi Maklumat telah membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar;

(ii) Maklumat yang didedahkan oleh seseorang Pemberi Maklumat; dan

(iii) Maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang;

**(e) Pegawai Penerima Maklumat**

Pegawai yang diberi kuasa untuk menerima maklumat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar sama ada secara lisan atau bertulis iaitu Ketua Unit Integriti, Pegawai Siasatan atau mana-mana pegawai di Unit Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia;

**(f) Pemberi Maklumat**

Mana-mana orang yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar kepada Unit Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia;

**(g) Polisi**

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Akauntan Negara Malaysia;

**(h) Tindakan Yang Memudaratkan**

Gangguan atau ugutan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, trend atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan

**(i) Warga JANM**

Pegawai yang berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara Malaysia sama ada melalui lantikan tetap, pinjaman, kontrak atau sambilan.

**SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBERI MAKLUMAT ATAU MEMBUAT PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR?**

6. Pemberian maklumat atau pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) boleh dibuat oleh warga JANM, pelanggan, perunding, pembekal, kontraktor, agensi dan lain-lain individu yang berurusan dengan JANM.

**PERKARA YANG BOLEH DIDEHAHKAN**

7. Pendedahan KTW boleh dibuat sekiranya berkaitan dengan mana-mana salah laku berikut oleh seseorang yang mempunyai urusan rasmi dengan JANM:

- (a) Rasuah atau penipuan (*fraud*);

- (b) Kesalahan jenayah;
  - (c) Salah guna wang, perolehan atau aset JANM;
  - (d) Kesalahan tatatertib;
  - (e) Kesalahan tadbir urus atau pengurusan yang melanggar undang-undang dan peraturan;
  - (f) Ketirisan kewangan;
  - (g) Kelakuan atau perbuatan yang mengancam keselamatan di JANM;
  - (h) Menyuruh, mengarah, mendorong atau mengugut seseorang dengan sengaja atau sedar supaya melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa; atau
  - (i) Lain-lain tindakan tidak wajar yang boleh menggugat dan merosakkan imej JANM.
8. Pemberi Maklumat mempunyai pengetahuan mengenai maklumat KTW yang dialami oleh beliau sendiri atau diberitahu oleh orang lain yang beliau yakin dan percaya kepadanya.
9. KTW yang ingin didedahkan mestilah lengkap, jelas dan mengandungi butir-butir berikut:
- (a) bila kejadian berlaku (*when*);
  - (b) di mana KTW dilakukan (*where*);
  - (c) siapa yang terlibat (*who*);
  - (d) apakah KTW yang dilakukan (*what*);

- (e) kenapa KTW dilakukan (*why*);
  - (f) bagaimana KTW dilakukan (*how*);
  - (g) asas kebimbangan; dan
  - (h) dokumen yang terlibat serta lain-lain yang berkaitan.
10. Aduan tidak akan diterima sekiranya maklumat yang diberikan melibatkan perkara seperti yang berikut:
- (a) mempunyai niat jahat atau didorong oleh agenda peribadi;
  - (b) melibatkan dasar Kerajaan;
  - (c) melibatkan pendedahan atau maklumat palsu;
  - (d) mempunyai motif bagi mengelakkan dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain;
  - (e) Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut; atau
  - (f) masih menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa.

#### **PROSEDUR PEMBERIAN MAKLUMAT ATAU PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR**

11. Pemberian maklumat atau pendedahan boleh dibuat pada bila-bila masa setelah Pemberi Maklumat yakin dan dengan niat suci hati (*good faith*) tanpa sikap prejudis serta tidak bersifat peribadi mendapati terdapat KTW yang dilakukan oleh warga JANM.
12. Pemberi Maklumat harus tampil dengan memberitahu secara lisan atau membawa bersama maklumat yang berasas atau yang beliau yakin dan percaya

bahawa sesuatu kesalahan atau KTW itu sudah berlaku atau sedang berlaku atau dijangka akan berlaku.

13. Pemberian maklumat atau pendedahan boleh dilakukan melalui:

(a) Bersemuka / hadir sendiri ke pejabat Unit Integriti (UI);

(b) E-mel: [aduan.integriti@anm.gov.my](mailto:aduan.integriti@anm.gov.my);

(c) Telefon: 03-8882 1593/1121; atau

(d) Surat ke alamat seperti yang berikut:

Unit Integriti

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Aras 6, Kompleks Kementerian Kewangan

No.1, Persiaran Perdana, Presint 2

62594 W.P. Putrajaya

14. Semua maklumat akan direkodkan oleh Pegawai Penerima Maklumat.

15. Pendedahan yang dibuat mesti mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti berikut:

(a) Nama Pemberi Maklumat;

(b) Jawatan;

(c) Tempat bertugas;

(d) Alamat semasa;

(e) Nombor telefon untuk dihubungi; dan

(f) Alamat e-mel.



16. Pemberi Maklumat yang tidak memberikan butiran lengkap seperti di perenggan 15 yang menyebabkan Pemberi Maklumat tidak boleh dihubungi, adalah tidak layak diberikan perlindungan di bawah Polisi ini dan UI melalui Jawatankuasa Menilai Maklumat tidak akan mengambil apa-apa tindakan lanjut terhadap maklumat yang telah disalurkan itu. Walau bagaimanapun, sekiranya Pemberi Maklumat tidak mendedahkan maklumat untuk dihubungi tetapi menyalurkan maklumat lengkap seperti di perenggan 9, aduan tetap diterima dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat lengkap yang disalurkan.
17. Pemberi Maklumat boleh diminta tampil secara bersemuka (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk berjumpa dengan Pegawai Penerima Maklumat bagi mendapatkan maklumat atau keterangan yang lebih lanjut mengenai aduan/ maklumat yang disalurkan.
18. Pemberi Maklumat hendaklah memberi kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut Polisi ini.
19. Setiap aduan/ maklumat yang dilakukan akan diproses oleh Pegawai Penerima Maklumat mengikut tatacara pengurusan aduan integriti sedia ada.
20. Ketua Unit Integriti (KUI) boleh mengecualikan peranan Pegawai Penerima Maklumat daripada mengendalikan sesuatu aduan/ maklumat dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan sesuai daripada UI sendiri sekiranya:
  - (a) Pemberi Maklumat yakin bahawa Pegawai Penerima Maklumat terlibat dengan maklumat yang ingin didedahkan; atau
  - (b) Pegawai Penerima Maklumat mempunyai kepentingan peribadi terhadap mana-mana orang yang dikaitkan dengan pendedahan tersebut.
21. Sekiranya pendedahan tersebut melibatkan KUI, Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan terus ke Pegawai Penerima Maklumat atau terus kepada

Akauntan Negara Malaysia (ANM) tanpa perlu merujuk kepada KUI terlebih dahulu. ANM boleh mengarahkan Pegawai Penerima Maklumat untuk terus mengambil tindakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan dengan mengecualikan sepenuhnya KUI dari terlibat dalam kesemua proses tersebut.

22. Sekiranya pendedahan tersebut melibatkan Pengurusan Tertinggi JANM, maka Pemberi Maklumat boleh membuat tindakan seperti yang berikut:
  - (a) membuat pendedahan terus kepada KUI Kementerian Kewangan (MOF);  
atau
  - (b) membuat pendedahan kepada Pegawai Penerima Maklumat dan Pegawai Penerima Maklumat akan memanjangkan maklumat tersebut kepada KUI MOF untuk arahan/ tindakan lanjut.

Pemberi Maklumat akan dilindungi melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat MOF.

23. Jika pendedahan yang dibuat bukan melibatkan warga JANM, maka Pegawai Penerima Maklumat akan memberikan nasihat dan mengesyorkan kepada Pemberi Maklumat untuk membuat pendedahan kepada pihak yang berkaitan dengan perkara yang ingin didedahkan agar perlindungan Pemberi Maklumat dapat dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan.
24. Sekiranya pendedahan yang dibuat turut melibatkan Pemberi Maklumat, maka Pemberi Maklumat boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada tindakan tatatertib. Namun begitu, ia bergantung kepada sejauh mana peranan dan penglibatannya dalam kes tersebut. Sekiranya dirinya merupakan punca/ penyebab utama berlakunya KTW maka dirinya tidak terlepas daripada pertimbangan untuk dikenakan tindakan tatatertib.
25. Sekiranya pendedahan melibatkan kes jenayah dan rasuah, Pegawai Penerima Maklumat akan memudah cara dengan merujuk Pemberi Maklumat kepada

agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Pemberi Maklumat akan dilindungi di bawah Akta 711 oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

### **KRITERIA PEMBERI MAKLUMAT YANG DILINDUNGI**

26. Pemberi Maklumat bersedia untuk dikenali oleh Pegawai Penerima Maklumat.
27. Pemberi Maklumat hadir sendiri dan berjumpa Pegawai Penerima Maklumat sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat.

### **PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT**

28. Setelah pendedahan disalurkan, Pemberi Maklumat akan dilindungi mengikut Polisi ini seperti yang berikut:
  - (a) Hanya Pegawai Penerima Maklumat yang mengetahui identiti Pemberi Maklumat; dan
  - (b) Sebarang maklumat lanjut yang diperlukan daripada Pemberi Maklumat oleh mana-mana pihak seperti Jawatankuasa Siasatan, pihak pengurusan JANM dan sebagainya hendaklah melalui Pegawai Penerima Maklumat sahaja.
29. Pemberi Maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat itu akan dilindungi daripada tindakan dalaman JANM seperti pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan, tindakan tatatertib, penurunan jawatan, penamatan perkhidmatan (tetap/kontrak/ sementara/ sambilan) atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan ini. Mana-mana pihak di JANM yang didapati berbuat demikian hendaklah disifatkan sebagai ingkar perintah dan tidak bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

30. Sekiranya Pemberi Maklumat merasa terancam diugut atau dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan di perenggan 29, Pemberi Maklumat hendaklah melaporkannya kepada Pegawai Penerima Maklumat. Sekiranya Pemberi Maklumat menerima ancaman selain di perenggan 29, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.
31. Sekiranya Pemberi Maklumat merasa terancam atau diugut atau dikenakan tindakan seperti yang dinyatakan di perenggan 29, Pegawai Penerima Maklumat hendaklah memaklumkan laporan tersebut kepada KUI. KUI akan memanjangkan laporan tersebut kepada ANM untuk mengambil tindakan yang bersesuaian dengan mengambil kira kepentingan Pemberi Maklumat.

#### **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENERIMA MAKLUMAT**

32. Pegawai Penerima Maklumat hendaklah menerima pendedahan yang dibuat secara lisan atau bertulis yang diberikan oleh Pemberi Maklumat. Sejauh mana yang difikirkan praktik dan munasabah, pendedahan tersebut boleh dibuat di mana-mana lokasi yang difikirkan sesuai bagi memastikan identiti Pemberi Maklumat dilindungi.
33. Pegawai Penerima Maklumat hendaklah bertanggungjawab menerima maklumat berkaitan KTW dan menguruskan maklumat tersebut.
34. Bagi kes rasuah dan jenayah, Pegawai Penerima Maklumat akan menjadi pemudah cara dengan merujuk Pemberi Maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Siasatan serta permohonan perlindungan akan diuruskan sepenuhnya oleh agensi penguatkuasaan tersebut.
35. Identiti Pemberi Maklumat serta aduan/ maklumat yang diberikan hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun.

## **PEMBATALAN POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

36. Pemberi Maklumat itu dengan sengaja mendedahkan dirinya sendiri atau menceritakan atau menyampaikan atau seumpama dengannya, maklumat atau aduan yang diadu kepada pihak lain selain Pegawai Penerima Maklumat adalah tidak layak diberikan perlindungan di bawah Polisi ini. Sekiranya kebocoran maklumat adalah yang disebabkan oleh Pemberi Maklumat itu sendiri, maka pihak JANM tidak akan bertanggungjawab terhadap segala implikasi/ kesan yang akan berlaku ke atas diri Pemberi Maklumat ekoran pendedahan tersebut.

## **PEMAKAIAN POLISI**

37. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini adalah terpakai di JANM.

## **TARIKH KUAT KUASA**

38. Pelaksanaan polisi ini berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

## **PERTANYAAN**

39. Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Unit Integriti  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Aras 6, Kompleks Kementerian Kewangan  
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2  
62592 W.P. PUTRAJAYA  
E-mel: unit.integriti@anm.gov.my



**(NOR YATI BINTI AHMAD C.A.(M))**  
Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tarikh: 7 Januari 2025